

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

RPE 446 - Aspek-Aspek Sosial dalam Perancangan
dan Pembangunan

Tarikh: 16 April 1986

Masa: 2.15 ptg. - 5.15 ptg.
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas ini mempunyai Tiga Bahagian: BAHAGIAN A, BAHAGIAN B dan BAHAGIAN C.

BAHAGIAN A:

Masa: 45 Minit

Soalan ini adalah **WAJIB**

Markah: 30

BAHAGIAN B:

Masa: 45 Minit

Soalan ini adalah **WAJIB**

Markah: 30

BAHAGIAN C:

Masa: 1½ Jam.

Pilih dan jawab **DUA** soalan sahaja.

Markah: 40

- 2 -

BAHAGIAN A (30 Markah)

Soalan ini adalah WAJIB

1. (a) Proses yang penting di dalam masyarakat ialah proses yang menjamin bahawa penduduk benar-benar mematuhi obligasi rol (peranan) mereka. Jelaskan.

(15 markah)

- (b) Apakah yang diertikan sebagai Kebajikan Individu? Bagaimana kebajikan Individu ini diukur?

(15 markah)

BAHAGIAN B (30 Markah)

Soalan ini adalah WAJIB

2. (a) Anda dihadapkan dengan satu isu sosial yang mempunyai pelbagai masalah, senaraikan langkah-langkah yang perlu diambil sebelum memulakan penyelidikan.

(15 markah)

- (b) Di dalam menyediakan projek kursus sekurang-kurangnya anda bersandar kepada satu dasar. Bincangkan kesesuaian dan implikasi dasar tersebut di dalam kontek projek kursus anda.

(15 markah)

...3/-

BAHAGIAN C (40 Markah)

Jawab DUA soalan sahaja.

3. Pelan (struktur/tempatan) adalah satu langkah innovatif dan imaginatif ke arah mengatasi masalah sosial. Bincangkan.

(20 markah)

4. Lazimnya tanggungjawab membangunkan semula kawasan usang atau memulihkan semula tanah terbiar dibebankan ke atas badan awam. Jelaskan.

(20 markah)

5. Penglibatan rakyat telah dijadikan perkara terpenting di dalam proses perancangan bandar di Semenanjung. Jelaskan.

(20 markah)

6. Jelaskan istilah-istilah serta konsep-konsep berikut secara ringkas dan tepat.

- (a) Masyarakat Massa
- (b) Kebudayaan
- (c) Institusi Sosial
- (d) Sistem Susunlapis

(20 markah)

-ooo00ooo-

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

RPE 456 - Ekonomi Bandar dan Wilayah

Tarikh: 19 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

1. Tuliskan nota ringkas mengenai DUA daripada tajuk-tajuk berikut:-

- (a) Analisis Shif dan Syer
- (b) Peraturan Rank Saiz
- (c) Teori Lokasi Median

(25 markah)

2. (a) Jelaskan maksud 'Had Pengaruh' (Threshold) dan Jarak (Range) sesuatu barang serta kaitanya sebagaimana digunakan didalam Teori Petempatan Pusat.

(8 markah)

(b) Pada pendapat anda, apakah sebenarnya sumbangan Teori Petempatan Pusat didalam merancang sesuatu pusat bandar?

(17 markah)

...2/-

3. Jadual Masukan-Keluaran Bagi Tahun 1980
(Nilai didalam \$Juta)

Sektor	Pertanian	Perkhidmatan	Permintaan Akhir
Pertanian	0	40	60
Perkhidmatan	20	0	60
Lain-lain Bayaran	80	40	0

Berdasarkan maklumat di atas,

- (a) Kirakan jumlah pengeluaran bagi sektor pertanian dan perkhidmatan bagi Tahun 1985.

(4 markah)

- (b) Sekiranya permintaan akhir bagi sektor pertanian meningkat kepada \$100 juta dan bagi sektor perkhidmatan kepada \$200 juta pada Tahun 1990, kirakan jumlah pengeluaran bagi sektor pertanian dan perkhidmatan bagi Tahun 1990.

(21 markah)

Nota: Sekiranya Matriks A = $\begin{bmatrix} a_{11} & a_{12} \\ a_{21} & a_{22} \end{bmatrix}$,

maka, $A^{-1} = \frac{1}{a_{11}a_{22} - a_{12}a_{21}} \begin{bmatrix} a_{22} & -a_{12} \\ -a_{21} & a_{11} \end{bmatrix}$

...3/-

4. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan sektor asas?

(5 markah)

(b) Jelaskan TIGA kelemahan Teori Asas Ekonomi.

(6 markah)

(c) Berdasarkan maklumat di dalam jadual Taburan Peratusan Gunatenaga Mengikut Sektor Bagi Negeri Pulau Pinang dan Malaysia, 1980 berikut:-

Sektor	Pulau Pinang	Malaysia
Sektor Pertama	14	40
Sektor Kedua	36	27
Sektor Ketiga	50	33

(i) Kirakan nilai 'Location Quotient' (LQ) bagi setiap sektor.

(6 markah)

(ii) Kirakan nilai pengganda asas ekonomi bagi Negeri Pulau Pinang.

(8 markah)

5. (a) Jelaskan konsep 'Khutub Pertumbuhan'.

(5 markah)

(b) Sejauh manakah strategi 'Khutub Pertumbuhan' boleh digunakan didalam pembangunan wilayah di negara ini?

(20 markah)

6. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan 'permintaan perumahan' dan 'keperluan perumahan'?

(10 markah)

- (b) Bincangkan faktor-faktor utama yang mempengaruhi permintaan gunatanah kediaman.

(15 markah)

7. Terangkan ciri-ciri utama pembandaran di negara ini dan masalah-masalah yang timbul akibat dari proses pembandaran ini.

(25 markah)

8. Bincangkan kebenaran pernyataan bahawa ketakseimbangan wilayah wujud pada setiap peringkat pembangunan negara.

(25 markah)

-0000000-